

09 APR 2002

Sukan-Skuasy (Asia)/I

MALAYSIA SASAR MENANGI TIGA ACARA PADA KEJOHANAN SKUASY ASIA

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Malaysia, sebagai tuan rumah, meletakkan sasaran memenangi tiga daripada empat acara yang dipertandingkan pada Kejohanan Skuasy Asia ke-11 di Pusat Skuasy Negara di Bukit Jalil, bulan depan.

Jika berjaya, ia adalah ulangan kepada kejayaan yang dicapai di Hong Kong dua tahun lepas apabila Malaysia memenangi acara perseorangan lelaki dan wanita, masing-masing melalui Ong Beng Hee dan Nicol David, dan juga acara berpasukan lelaki.

Bagaimanapun, Persatuan Skuasy Malaysia (SRAM) tidak begitu yakin dalam acara berpasukan lelaki kali ini, dan juga menghadapi sedikit masalah dengan barisan pemain wanita.

Pemangku presidennya Datuk Mokhzani Mahathir berkata Pakistan, yang pernah menjadi juara sembilan kali, menjadi pilihan awal merampas kejuaraan itu yang mereka kalah kali pertama kepada Malaysia, dua tahun lepas.

"Pemain-pemain Pakistan akhir-akhir ini telah semakin baik. Mereka mempunyai Mansoor Zaman, Shahid Zaman dan Amjad Khan yang menduduki ranking dunia lebih tinggi daripada pemain kedua dan ketiga kita, Mohammad Azlan Iskandar dan Kenneth Low," kepada beliau dalam sidang media untuk mengumumkan penaja kejohanan di sini hari ini.

Mansoor adalah ranking ke-31, Shahid (32) dan Amjad (41) manakala Azlan dan Low ranking ke-51 dan ke-53. Pemain utama Malaysia, Beng Hee pula ranking ketujuh.

Mokhzani berkata seperti juga sebelum ini, Hong Kong yang pernah dua kali menjadi juara acara wanita, menjadi halangan terbesar Malaysia dalam acara itu.

"Mereka ada Rebecca Chiu dan Christina Mak yang begitu sukar untuk dikalahkan. Tetapi kita berharap dapat merampas semula kejuaraan itu daripada mereka," tambah beliau.

Pasukan wanita Malaysia mungkin akan lemah jika pemain nombor tiga, yang mahu meneruskan pengajiannya, tidak bermain dalam Kejohanan Asia kali ini.

"Kita berharap Tricia akan bermain untuk negara lagi. Kita sangat memerlukan khidmat beliau, jika kita mahukan kejuaraan berpasukan wanita," kata Mokhzani.

Sebelum itu, Mokhzani menerima cek RM80,000 daripada pengarah Mulpha International Berhad Dennis Low, yang menjadi penaja kejuaraan Kejohanan Asia ini, yang akan diadakan pada 1-8 Mei.

Setakat ini, sembilan negara --India, Jepun, Hong Kong, Macau, Pakistan, Singapura, Korea Selatan, Taiwan dan Malaysia -- telah mengesahkan penyertaan mereka pada kejohanan ini.

-- BERNAMA

HRS ZS ZB